

Beaufort masih tenggelam

2 HARI LAGI

**FORUM
KEUSAHAWANAN
MALAYSIA 2014**



midf **SME** **SME**
Rakan Strategik Anda Dalam Perniagaan

■ 1,325 keluarga terpaksa dipindahkan berikutan banjir semakin buruk

Oleh Junaidi Ladjana,
Erdiehazzuan Ab Wahid, Cleo Will
hmkk@mediaprima.com.my
Kota Kinabalu



KEADAAN pekan Beaufort yang ditenggelami air.

Hujan berterusan sejak kelmarin mengakibatkan keadaan banjir di Beaufort dan Tenom semakin teruk apabila lebih 5,618 mangsa membabitkan sebanyak 1,325 keluarga terpaksa ditempatkan di 29 pusat pemindahan.

Banjir yang memasuki hari keempat itu menjejaskan lebih 80 kampung di Beaufort dan 38 kampung di Tenom.

Di Beaufort, Pegawai Daerah Beaufort Mohd Shaid Othman berkata, sehingga jam 3 petang semalam, seramai 2,000 mangsa banjir membabitkan 613 keluarga ditempatkan di lima pusat pemindahan.

"Hampir keseluruhan jalan di kampung di sekitar daerah Beaufort terjejas dan usaha memindahkan mangsa banjir sedang giat dijalankan dan kemungkinan mangsa banjir di daerah ini akan meningkat.

"Sehingga kini lima pusat pemindahan di buka iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Beaufort 3, SMK Gadong, Dewan Baru Beaufort, Dewan Sri Dayang dan Dewan Kukut," katanya ketika

dihubungi, semalam.

Di Tenom pula, Ketua Unit Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Mohd Affendy K Ramin berkata, seramai 3,618 mangsa di pindahkan di 24 pusat pemindahan membabitkan 712 buah keluarga.

"Begitupun, mangsa banjir di beberapa kampung sekitar Keningau sudah mula pulang sejak semalam," katanya.

Bacaan air di Sungai Padas di Beaufort sehingga jam 12 tengahari semalam ialah 9.58 meter dari paras bahaya manakala di Tenom ialah 177.50 meter juga melebihi paras bahaya.

Sementara itu, Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) mula mengaktifkan Bilik Gerakan Banjir agensi itu di daerah Beaufort, Keningau, Tenom dan Sipitang bermula kelmarin berikutan kejadian banjir yang melanda daerah berkenaan.

Pengurus Besar Kanan (Pengurusan Aset) SES Muhammad Nazri Pazil berkata,

bilik gerakan berkenaan akan beroperasi 24 jam sehari bagi memantau, melaporkan status dan menyelaraskan kerja-kerja pemulihan bekalan di kawasan berkenaan.

"Atas faktor keselamatan pengguna, pihaknya juga terpaksa membuat penutupan sementara bekalan elektrik apabila pencawang elektrik (sub stesen) milik SESB mula ditenggelami air.

"SESB turut meminta

pengguna supaya berhati-hati semasa mengendalikan peralatan elektrik serta tidak menghampiri pencawang elektrik semasa kejadian banjir," katanya.

Katanya, hampir 2,500 pengguna berdaftar SESB terputus bekalan elektrik sejak semalam disebabkan keadaan banjir ini.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Beaufort Deputi Superintendan Mustaffa Maarof Mustaffa menafikan laporan mengatakan seorang kanak-kanak berusia lapan tahun yang ditemui lemas di longkang di Kampung Lubak di sini mangsa korban akibat banjir.

"Kawasan rumah mangsa tidak dinaiki air dan dipercayai mangsa terjatuh tergelincir sebelum terjatuh ke dalam longkang," katanya ketika dihubungi, semalam.

FAKTA
Banjir menjejaskan lebih 80 kampung di Beaufort dan 38 kampung di Tenom